

07 JUN 2000

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI NAGOYA BAGI LAWATAN KERJA

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

NAGOYA, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini, dalam rangka lawatan kerja ke Jepun.

Semasa berada di sini Dr Mahathir juga akan menghadiri pengkebumian Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi yang meninggal dunia pada 14 Mei lepas dan akan menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei ke 6.

Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Zakaria Wahab, memberitahu Bernama di sini, hari ini, semasa lawatan seminggu itu Dr Mahathir juga akan meninjau teknologi terbaru untuk mempertingkatkan pembangunan industri di Malaysia.

Dr Mahathir disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Nagoya oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan Jepun dan duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohammad Noor.

Turut mengiringi beliau dalam lawatannya ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, para pegawai Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta Malaysia (Might) dan Kementerian Luar.

Satu delegasi sektor swasta, yang termasuk Tan Sri Ahmad Johan, presiden AIROD, turut mengiringi Dr Mahathir.

Dr Mahathir akan berada di Nagoya, pusat bagi industri membuat mesin di Jepun, untuk melihat sendiri beberapa daripada kilang termoden di situ.

Anak syarikat AIROD SME Aerospace dijangka menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat utama Jepun di Nagoya untuk memperoleh mesin berkomputer yang canggih untuk membuat bahagian-bahagian kapal terbang yang perlu dibuat dengan penuh ketepatan.

Esok, Dr Mahathir akan menyertai para pemimpin dunia di pengkebumian Obuchi di Nippon Budokan di Tokyo. Obuchi meninggal kerana serangan angin ahmar yang menyebabkan beliau dalam keadaan nazak selama enam minggu sebelum meninggal dunia.

Kemudian, Dr Mahathir dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Yoshiro Mori yang menggantikan Obuchi sebagai Perdana Menteri.

Persidangan Antarabangsa ke 6 Nikkei di Tokyo akan menggariskan strategi untuk mempercepatkan pemulihan Asia Timur daripada krisis kewangan yang tercetus pada 1997.

Turut menghadiri persidangan itu ialah presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

--BERNAMA

MGM ES PR